



Ibu kota dilanda banjir kilat

PENIAGA, Noraini Baba termenung melihat kedainya dinaiki air di Jalan Rahmat, petang semalam.

Waktu Solat

Sejahtera bersama perlindungan IKHLAS
Laman sesawang: www.takaful-ikhlash.com.my
No tel: 03-2723 9999 Pusat Panggilan: 03-27239696
No faks: 03-2723 9998
TAKAFUL IKHLAS SDN. BHD (593075 U)
(Anak syarikat milik penuh MNRB Holdings Berhad)



Daerah	Subuh	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
KL/PUTRAJAYA	5.43	1.03	4.17	7.03	8.13
Petaling/Shah Alam	5.43	1.03	4.17	7.03	8.13
Gombak	5.43	1.03	4.17	7.03	8.13
Hulu Selangor	5.43	1.03	4.17	7.03	8.13
Hulu Langat	5.43	1.03	4.17	7.03	8.13
Sepang	5.43	1.03	4.17	7.03	8.13
Rawang	5.43	1.03	4.17	7.03	8.13
Sabak Bernam	5.45	1.05	4.19	7.05	8.14
Klang	5.45	1.05	4.19	7.05	8.14
Kuala Langat	5.45	1.05	4.19	7.05	8.14
N SEMBILAN	5.41	1.01	4.15	7.02	8.11
MELAKA	5.40	1.00	4.14	7.02	8.11

Dapatkan SMS waktu solat setiap hari!
Taip ON HMSS <jarak> <DAERAH> dan kirim ke 33333
Contoh: ON HMSS SHAH ALAM
* RM0.30/msj. Untuk henti, taip STOP HMSS dan kirim ke 33333.
Perkhidmatan Pelanggan: 03-7803 4222 (Isnin-Jumaat, 9 pagi - 5 petang)

Metro

Datuk Abdul Jalil Hamid » Pengarang Urusan Kumpulan NSTP
Datuk Mustapa Omar » Pengarang Kumpulan
Abdul Ghafar Ismail » Timbalan Pengarang Kumpulan
Ahmad@Salim Bachok » Pengarang Eksekutif (Pengeluaran)
Othman Mamat » Pengarang Eksekutif (Berita)
Shariffudin Mohamed » Pengarang Eksekutif (Rencana)
Tuan Asri Tuan Hussein » Ketua Pengarang Berita

EDISI TENGAH

Anda ada maklumat menarik?
Hubungi wartawan kami di talian berikut:

- Balai Berita Bangsar: 1-300-22-NSTP [6787]
- Shah Alam: 03-78452505
- Putrajaya: 03-88811903

Ratusan kenderaan terperangkap dalam kesesakan lalu lintas

Oleh Kalidevi Mogan
Kumarappa
dan Raja Noraina Raja Rahim
am@mediaprima.com.my
Kuala Lumpur

Ratusan kenderaan terperangkap dalam kesesakan lalu lintas lebih sejam malah beberapa kenderaan tenggelam akibat banjir kilat berikutan hujan lebat melanda ibu kota, petang semalam.

Air mulai naik berikutan hujan lebat bermula kira-kira jam 3.30 petang itu.

Jurucakap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berkata, pihaknya menerima laporan mengenai kesesakan beberapa jalan utama yang dinaiki air hingga menyukarkan kenderaan melalui kawasan berkenaan, kira-kira jam 5.15 petang.

"Kami juga menerima laporan mengenai beberapa kenderaan ditinggalkan air di Jalan Kuching dan Jalan Rahmat.

"Kebanyakan kenderaan ditinggalkan air adalah yang ditinggalkan di tempat letak kenderaan oleh pemilik yang bekerja di bangunan berhampiran.

"Bagaimanapun, tiada laporan pokok tumbang dan

"Kebanyakan kenderaan yang ditinggalkan di tempat letak kenderaan oleh pemilik yang bekerja di bangunan berhampiran"

Jurucakap DBKL

kemalangan jiwa dilaporkan setakat petang ini (semalam)," katanya ketika dihubungi Harian Metro, semalam.

Harian Metro difahamkan, Jalan Ipoh, Jalan Pantai Baru, Jalan Bangsar, Kampung Malaysia Raya, Sungai Besi dan Bandar Tasik Permaisuri turut dilanda banjir kilat dan pengguna lalu lintas terperangkap selepas kenderaan mereka dimasuki air.

Di Selangor, Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor Mohd Sani Harul berkata, pihaknya hanya menerima maklumat banjir kilat di kawasan Bangi dan Petaling Jaya, di sini.



ORANG ramai mengharung air selepas Jalan Rahmat dilanda banjir kilat.



ANGGOTA DBKL membantu memindahkan orang ramai di Jalan Rahmat.



PEMANDU kereta redah banjir kilat yang melanda Bandar Sri Permaisuri, Cheras.